

No. Ruj. : Hebahan TNC JIM Jld.1
Tarikh : 22 November 2024

Pejabat Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri dan Masyarakat

Office of the Deputy Vice-Chancellor
Industry and Community Network

Universiti Sains Malaysia

Aras 6, Bangunan Canselor

11800 USM Pulau Pinang, Malaysia

T : (6)04 653 2902

F : (6)04 653 2903

E : dvc_icn@usm.my

L : <https://icn.usm.my/>

Kepada : Staf Universiti Sains Malaysia
Kampus Induk/ Kampus Kejuruteraan/ Kampus Kesihatan

HEBAHAN TIMBALAN NAIB CANSELOR JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT BILANGAN 4 TAHUN 2024

- PEMERKASAAN PENGGUNAAN MYDIGITAL ID BAGI WARGA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Dengan hormatnya perkara di atas dan Surat Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi - Pemerkasaan Penggunaan MyDigital ID di Kementerian Pendidikan Tinggi [KPT.100-12/2/1 (43)] bertarikh 19 November 2024 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, MyDigital ID merupakan wadah pengesahan pengenalan diri secara digital yang diwujudkan untuk keselamatan dan kecekapan urusan dalam talian. Inisiatif yang dicetus daripada aspirasi YAB Perdana Menteri ini adalah untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat menjalankan transaksi digital dengan lebih selamat dan terpercaya, seterusnya menjana pembangunan aktiviti ekonomi digital negara di samping dapat memperkuuh keyakinan dalam landskap digital di Malaysia serta memperkasa Kerajaan digital pintar berteraskan data.

3. Inisiatif baharu MIMOS Berhad iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan di bawah pengawasan Jabatan Digital Negara (JDN), penyepadan MyDigital ID sebagai kaedah pengesahan untuk semua perkhidmatan digital Kerajaan menjanjikan pengalaman transformasi kepada rakyat. MyDigital ID berfungsi sebagai kaedah pengesahan dalam talian, memberikan rakyat akses yang lancar kepada pelbagai platform digital Kerajaan. Dengan itu, individu boleh menggunakan pelbagai perkhidmatan tanpa menghadapi kerumitan log masuk berbilang dan memudahkan interaksi digital dengan agensi-agensi Kerajaan dengan lebih sistematik dan berkesan.

4. Pelaksanaan MyDigital ID ini dilihat sebagai satu langkah penting ke arah persekitaran digital yang lebih mesra pengguna dan selamat, sejajar dengan visi Kerajaan untuk memanfaatkan teknologi demi memperkasakan rakyat. MyDigital ID tidak menyimpan sebarang data biometrik seperti cap jari, maklumat data atau pengecaman muka dan tidak menggunakan sebarang cip atau implan. MyDigital ID juga tidak mengumpul, memantau atau menyimpan pangkalan data peribadi mahupun aktiviti pengguna dalam talian, tidak mendedahkan data peribadi secara terbuka dan tidak membolehkan pengguna memiliki lebih daripada satu identiti digital. Malahan, ia juga tidak berfungsi sebagai pengganti MyKad atau mana-mana dokumen pengenalan diri yang lain untuk bukti pengenalan. MyDigital ID ialah pengenalan diri untuk transaksi dalam talian.

5. Justeru itu, pihak Universiti menyeru kepada semua warga USM untuk menyokong usaha Kerajaan secara amnya, serta usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) secara khususnya dalam peningkatan peratusan pendaftaran MyDigital ID demi mencapai objektif yang telah disasarkan. Terdapat dua (2) kaedah untuk pendaftaran MyDigital ID iaitu **pendaftaran melalui kios ataupun pendaftaran secara dalam talian**. Maklumat terperinci berhubung MyDigital ID ini boleh didapati menerusi pautan ini <https://www.digital-id.my/>.

6. Kerjasama YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dan seluruh warga staf USM adalah dimestikan untuk membuat pendaftaran MyDigital ID **sebelum atau selewat-lewatnya pada 29 November 2024 (Jumaat)** bagi tujuan penyelarasan dan pelaporan kepada pihak sekretariat KPT.

**HEBAHAN TIMBALAN NAIB CANSELOR JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT
BILANGAN 4 TAHUN 2024**

**- PEMERKASAAN PENGGUNAAN MYDIGITAL ID BAGI WARGA UNIVERSITI SAINS
MALAYSIA (USM)**

7. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan boleh mengemukakan emel terus kepada info@digital-id.my atau menghubungi pegawai-pegawai penyelaras berikut:

Encik Mohd Faizal Bin Md Osman

Timbalan Pendaftar
Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat

+604-653 6633 / +013-535 0011

mfaizal@usm.my

Puan Nur Farahana Binti Mohd Amin

Penolong Pendaftar
Pejabat Ketua Pegawai Digital
+04-653 4469 / 4471
nurfarahana@usm.my


Segala perhatian dan sokongan YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(PROFESOR DR. AZLAN BIN AMRAN)

Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri dan Masyarakat

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa

Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi

Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni

Pendaftar

Pengarah Kampus Kejuruteraan

Pengarah Kampus Kesihatan

Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Pengarah Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia

Ketua Jabatan

Ketua Pegawai Digital

Pengarah Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi

Pegawai Pentadbiran Pusat Tanggungjawab